

Abdelouhed datang tinjau persiapan sidang OIC akhir bulan

UM 21 JUN 2003

KUALA-LUMPUR 20 Jun – Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Dr. Abdelouhed Belkeziz akan melawat Malaysia akhir bulan ini bagi meninjau persiapan negara menganjurkan sidang kemuncak persidangan itu Oktober depan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kunjungan itu juga membuktikan bahawa Sidang Kemuncak OIC yang dijadualkan itu, tidak akan ditangguhkan.

“Tiada tanda-tanda OIC ditangguhkan,” katanya ketika ditemui pada Perhimpunan Agung UMNO Ke-54, di sini hari ini.

Kenyataan Syed Hamid itu sekaligus menafikan desas-desus mengatakan bahawa sidang kemuncak itu akan ditangguhkan.

Dakwaan itu adalah berikutan timbul khabar angin bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melepaskan jawatannya lebih awal daripada Oktober.

Menurut Syed Hamid, selain mengadakan mesyuarat dengan Wisma Putra, Belkeziz juga dijadualkan menemui Dr. Mahathir.

Beliau berkata, persediaan Malaysia menganjurkan OIC itu kini berjalan lancar.

Antaranya termasuk penyerahan Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) yang akan digunakan sebagai tempat berlangsungnya OIC daripada Putrajaya Holdings Sdn. Bhd pada 9 Jun lalu.

PCC yang mempunyai keluasan 135,000 meter persegi itu mampu menampung 10,000 orang pada satu-satu masa.

Syed Hamid juga yakin majoriti anggota OIC akan menghantar wakil mereka menghadiri sidang kemuncak itu.

Ketika ini Malaysia telah menyampaikan jemputan secara lisan manakala surat jemputan rasmi kepada 57 anggota pertubuhan itu dijangka akan diedarkan kemudian.